



Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK:700-7/3/2 Jld. 4 (44)  
Tarikh : 31 Mei 2021

## SENARAI EDARAN

YS Dato'/Tuan,

### **MAKLUMAN PENAMATAN PENGGUNAAN *BUSINESS LICENSING ELECTRONIC SUPPORT SYSTEM* (BLESS) UNTUK PERMOHONAN PERAKUAN BOMBA**


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengambil maklum surat daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, rujukan MEDAC.BLESS.600-3/2/3(20) bertarikh 24 Mei 2021 berkaitan status penamatan penggunaan *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) oleh agensi-agensinya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) secara berperingkat mulai 1 September 2020 hingga 31 Ogos 2021.
3. Sehubungan dengan itu, Pentadbir Sistem BLESS di negeri-negeri dikehendaki menyahaktifkan Sistem tersebut bermula 1 Jun 2021 dan selewat-lewatnya pada 15 Jun 2021. Walau bagaimanapun, semua permohonan yang telah dikemukakan sebelum atau pada 4 Jun 2021 akan diteruskan pemprosesan sehingga selesai.
4. Justeru itu, YS Dato'/Tuan hendaklah memaklumkan kepada semua pemunya Premis Ditetapkan supaya permohonan Perakuan Bomba dibuat secara manual dengan menggunakan Borang FC4 dan dokumen berkaitan. Bersama-sama ini dilampirkan format surat pemakluman tersebut seperti di Lampiran A.
5. Kerjasama dan perhatian YS Dato'/Tuan di dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalan amanah,

  
**(EDWIN GALAN TERUKI)**  
Pengarah  
Bahagian Keselamatan Kebakaran  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

...2/-

**‘CEPAT DAN MESRA’**



-2-

s.k :

- i. YAS Ketua Pengarah, JBPM
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JBPM
- iii. Cawangan Teknologi Maklumat, JBPM

AMN/trtk

...3/-

**SENARAI EDARAN**

- 1) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor
- 2) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, W.P. Kuala Lumpur
- 3) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Johor
- 4) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri P. Pinang
- 5) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Pahang
- 6) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Kedah
- 7) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sarawak
- 8) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sabah
- 9) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan
- 10) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Melaka
- 11) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Perak
- 12) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Terengganu
- 13) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Kelantan
- 14) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, W.P Putrajaya
- 15) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, W.P Labuan
- 16) YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Perlis

(Pemunya Premis)...

Tuan,

**MAKLUMAN PENAMATAN PENGGUNAAN *BUSINESS LICENSING ELECTRONIC SUPPORT SYSTEM* (BLESS) UNTUK PERMOHONAN PERAKUAN BOMBA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menamatkan penggunaan sistem *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) bagi tujuan permohonan Perakuan Bomba (FC) bermula pada 15 Jun 2021.
3. Oleh yang demikian, permohonan Perakuan Bomba hendaklah dilakukan secara manual kepada Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, semua permohonan yang telah dikemukakan sebelum atau pada 4 Jun 2021 akan diteruskan pemprosesan sehingga selesai.
4. Sukacita juga pihak tuan diingatkan supaya mengemukakan permohonan yang lengkap supaya proses Perakuan Bomba dapat dilaksanakan dengan lancar.
5. Kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalan amanah,

(.....Pengarah Negeri.....)